

DRAF
TEKS UCAPAN ALUAN

Dato' Hj. Abdul Fattah Hj. Abdullah, Presiden ANGKASA

KONVENSYEN ICT-COOP & INOVASI 2016
23 SEPTEMBER 2016, ROYALE BINTANG, SEREMBAN

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'alla
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahya, Ketua
Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Y. Berusaha Encik Aminuddin Yahya, Pengarah
Bahagian Promosi Mewakili Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

YBhg. Naib-Naib Presiden ANGKASA

❖ Dato' Hj. Kamaruddin Ismail

❖ Dato' Aliasak Hj. Ambia

YBhg. Tuan Hj. Ismail Hashim, Pemangku Pengerusi
Jawatankuasa Peneraju Sektor Inovasi, Teknologi dan
Telekomunikasi dan Barisan Ahli Jawatankuasanya

YBhg. Dato' Hj. Ibrahim Hj. Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sembilan dan Barisan Ahli Jawatankuasanya

Y. Berusaha Tn Hj. Nasir Khan Yahaya, Ketua Pengawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA dan Barisan Pengurusan Kanan ANGKASA

Y. Berusaha Encik Zainuddin Mohd Ali, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Negeri Sembilan

YBerusaha Encik Sofian Osman, Ketua Pegawai Teknologi Maklumat ANGKASA

Wakil-Wakil Agensi

Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif Jemputan, Tuan -Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat illahi dengan limpah kurnia dan rahmatnya dapat kita bersama-sama menjayakan **KONVENSYEN ICT-COOP & INOVASI 2016 ini**. Saya bagi pihak ANGKASA, mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar bin Yahya, Ketua Setiausaha MOSTI ke majlis ini dan terima kasih YBhg. Dato' kerana sudi melapangkan masa, walaupun sibuk dengan pelbagai urusan.

2. Ini kali pertama ANGKASA menjemput YBerhormat Menteri Sains, Teknologi & Inovasi ke program yang melibatkan koperasi. Untuk makluman YBhg. Dato', pada tahun lepas ANGKASA buat julung kalinya menerima anugerah "Malaysia Cyber Security Organisation of The Year" semasa acara tahunan Cyber Security Malaysia - "General Meeting, Conference and Exhibition" yang berlansung pada bulan Oktober 2015.
3. Anugerah itu diberi selepas panel penilaian bebas membuat semakan pelaksanaan ICT governance melalui Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang digunapakai untuk menjaga kepentingan dan keselamatan maklumat peribadi anggota koperasi dalam Sistem Potongan Gaji ANGKASA. Usaha menambahbaik secara berterusan ini dibuat agar perkhidmatan potongan gaji terus mendapat keyakinan daripada pihak kerajaan dan juga masyarakat.
4. Penganjuran Konvensyen ini, bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan ILMU dan KEMAHIRAN TEKNOLOGI MAKLUMAT di kalangan

warga koperasi dalam bidang pemasaran internet atau perdagangan moden melalui media sosial. Dengan ilmu yang dimiliki, ia mampu melonjakkan imej gerakan koperasi dalam penggunaan teknologi dan inovasi bagi menyampaikan maklumat aktiviti perniagaan serta meningkatkan pemasaran produk dan perkhidmatan koperasi ke peringkat ASEAN atau global. Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan kepada beberapa koperasi TERPILIH yang telah menunjukkan kemajuan positif dalam pembangunan laman web.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

5. Seजार Dasar Koperasi Negara dan Deklarasi Putrajaya, ANGKASA mengambil inisiatif untuk membangun dan merangsang perniagaan koperasi melalui beberapa sektor. Jawatankuasa Peneraju Sektor Utama bertindak sebagai pemikir atau *“think tanker”* dan berperanan sebagai perantara atau *“resource linker”* dengan memberi fokus kepada pemantapan perniagaan koperasi yang berimpak tinggi serta meningkatkan lagi perolehan dalam gerakan koperasi.

6. Salah satu bidang ekonomi utama yang ditubuhkan oleh ANGKASA ialah Sektor Inovasi, Teknologi & Telekomunikasi. Selain dari itu ada 7 lagi bidang ekonomi lain yang penting bagi gerakan koperasi iaitu Sektor Kewangan & Perbankan, Sektor Pemborongan & Peruncitan, Sektor Pelancongan Kesihatan & Penjagaan Diri, Sektor Pertanian dan Asas Tani, Sektor Perladangan, Sektor Pembangunan Hartanah serta Sektor Komuniti.

7. Sebagai contohnya melalui Jawatankuasa Peneraju Sektor Inovasi, Teknologi & Telekomunikasi, beberapa wakil dari agensi kerajaan turut dijemput bagi menyumbang idea dan fikiran bagi meningkatkan INOVASI di dalam pembangunan ekonomi gerakan koperasi negara. Antara pegawai kanan dari agensi kerajaan yang terlibat ialah dari Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA), MIMOS Berhad iaitu agensi penyelidikan di bawah seliaan MOSTI, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia serta Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

8. Sejak tahun 2013 lagi, sektor kewangan telah memperkenalkan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA yang dijalankan dengan usahasama syarikat RAM Credit Information System. Sistem ini juga dikenali dengan singkatan ringkasnya sebagai “SPeKAR”. Sistem SPeKAR ini merupakan inovasi yang dibuat bagi menyediakan **Portal Maklumat Kredit untuk individu**. Dengan menggabungkan maklumat potongan gaji ANGKASA dengan maklumat peribadi perbankan yang disalurkan oleh Bank Negara Malaysia, ternyata maklumat lain seperti kes saman mahkamah dan kes insolvensi serta kes penghutang perniagaan yang disalurkan oleh agensi pelaporan kredit tersebut yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dapat diperolehi.

9. Manakala bagi sektor peruncitan pula, banyak koperasi telah dilatih oleh ANGKASA untuk membangunkan laman web e-Dagang dengan menggunakan teknologi sosial media untuk mempromosi dan menjual produk secara dalam talian. Ada juga koperasi yang telah berjaya membangunkan perniagaan peruncitan & pemborongan dengan jenamanya sendiri seperti COOP2U, JUSTKlik dot MY

serta banyak lagi koperasi yang akan menyusul dengan pelbagai kejayaan lain.

10. Beberapa bulan yang lalu, ANGKASA melalui sektor Pelancongan, Kesihatan & Penjagaan diri telah menyediakan penyelesaian IT iaitu melalui sistem “ADNAN”. Ianya merupakan sistem online bagi rangkaian aplikasi NEFROLOGI DIALISIS MAJU yang akan digunapakai bagi rangkaian pusat dialisis yang dikendalikan oleh ANGKASA.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

11. Bahagian Teknologi Maklumat ANGKASA juga telah melaksanakan inovasi dalam pembangunan sistem kira undi digital “e-Undi” yang tidak lagi menggunakan kertas undi. Sistem ini boleh digunapakai bukan saja untuk pemilihan Anggota Lembaga Koperasi malah boleh diaplikasikan untuk pelbagai kegunaan lain dan yang penting ianya dijamin selamat.

12. Untuk makluman, ANGKASA juga telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Cyber Security Malaysia bagi

menyediakan perkhidmatan keselamatan ICT secara berpusat bagi sektor koperasi. Pegawai teknikal ANGKASA akan dilatih untuk memberi khidmat sokongan kepada koperasi yang menghadapi masalah, sebagai contoh dalam proses pemulihan data (*data recovery*).

13. Dalam sektor teknologi hijau, anak syarikat ANGKASA juga akan melaksanakan projek “Solar Farm 1 mega Watt” di Kedah melalui skim galakan “feed-in-tariff”.

14. ANGKASA juga mempunyai beberapa perancangan untuk memantapkan lagi aktiviti pemprosesan kredit individu melalui sistem pencegahan pemalsuan slip gaji elektronik (atau e-Payslip). Banyak jabatan kerajaan telah melaksanakan slip gaji tanpa kertas dan perkara ini menimbulkan beberapa risiko kepada koperasi kredit sebagai pemberi pinjaman. ANGKASA melihat masalah ini boleh ditukar kepada peluang untuk menambahbaik sistem penjaan slip gaji elektronik yang telah banyak digunapakai dalam jabatan kerajaan.

15. Melalui inovasi dan penyelesaian teknologi terkini diharapkan agar ANGKASA beserta gerakan koperasi yang lain dapat meningkatkan lagi imej serta keyakinan masyarakat terhadap pentingnya teknologi maklumat untuk terus berkembang dan berdaya saing.

16. Pada konvensyen kali ini, ANGKASA telah menjemput beberapa penceramah berpengalaman untuk berkongsi maklumat dan kejayaan organisasi mereka antaranya:

- Cyber Security Malaysia (En Anwer Yusoff)
- Koperasi Siswa Universiti Sains (Prof Madya Ahmad Badri Ismail)
- Zull Design Autotronic (Tn Hj Zulkifli Harun)
- Koperasi Alumni Sek. Men. Teknik Kuala Lumpur (En Mokhtar Zulkfli)
- Koperasi Pos Nasional (En Hamizal Abd Khalid)
- Malaysian Digital Economy Corporation – MDEC (Cik Dayana Safian)

- SIRIM Berhad (Pn Noor Hayati Mokhtar)
- Koperasi Alumi Sek. Men. Izuddin Ipoh (En Amir Farid Abd Majid)
- MyANGKASA Services - anak syarikat ANGKASA (En Husnaidy Ibrahim)

17. Bagi pihak ANGKASA, terima kasih diucapkan atas sumbangan mereka menjayakan Kovensyen ini.

18. Mengakhiri ucapan, ingin saya maklumkan Insya Allah pada November 2017, ANGKASA akan menjadi tuan rumah acara tahunan International Co-operative Alliance (ICA) Global untuk General Assembly atau Perhimpunan Agungnya yang akan berlangsung di Sunway Hotel & Resort, Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

19. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua PESERTA yang hadir, terutamanya Anggota Lembaga dan pihak Pengurusan koperasi. Semoga pengisian program pada hari ini dan esok akan dapat memberi manfaat kepada semua.

Sekian *“Wabillahitaufiq Walhidayah
Wassalamualaikom Warahmatullahi Wabarakatu”*.